

11 JAN 1996

Lipis-Calon

AMIHAMZAH CALON BN BAGI PILIHAN RAYA KECIL LIPIS

KUALA LIPIS, 11 Jan (Bernama) -- Bendahari Umno Bahagian Lipis Amihamzah Ahmad, 46, hari ini diumumkan sebagai calon Barisan Nasional bagi pilihan raya kecil kawasan Parlimen Lipis.

Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob ketika membuat pengumuman itu di Bangunan Umno Bahagian Lipis di sini berkata, pemilihan itu berdasarkan Amihamzah seorang pemimpin politik yang popular di Lipis dan mudah diterima oleh anggota-anggota Umno.

Katanya, perwatakan yang baik dan sikap ramah mesranya serta mudah bercampur Gaul di peringkat akar umbi membolehkan beliau diterima oleh pengundi.

Pemilihan itu juga berdasarkan sumbangan Amihamzah kepada Umno sejak menyertai parti itu pada 1975. Beliau juga telah bekerja dan berkorban masa serta tenaga untuk parti seperti yang telah ditunjukkan sehingga kini, katanya.

"Saya percaya latar belakang ini serta sebagai anak tempatan yang lahir di Kampung Kuala Medang, Lipis membolehkan beliau menjadi ahli politik yang berjaya untuk pengundi di Lipis," katanya.

Khalil, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, berkata pemilihan itu dibuat selepas Umno Bahagian Lipis mengemukakan beberapa nama kepadanya dan kemudian diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno yang membuat keputusan itu.

Katanya, beliau juga telah mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin komponen BN di kawasan Parlimen Lipis dan ketua-ketua masyarakat Orang Asli yang telah memberi kata sepakat untuk memberi sokongan padu kepada calon BN.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan penamaan calon pada 15 Jan dan pengundian pada 27 Jan jika ada pertandingan. Pilihan raya kecil itu bagi mengisi kekosongan selepas penyandanganya Datuk Abu Dahari Osman dari BN meninggal dunia pada 29 Dis lepas kerana barah usus.

Allahyarham Abu Dahari memenangi kerusi Parlimen Lipis dengan majoriti 10,113 undi mengalahkan Ahmad Shabery Cheek dari Parti Melayu Semangat 46 pada Pilihan Raya Umum tahun lepas. Jumlah pengundi bagi kawasan itu ialah 42,464 orang berdasarkan kepada daftar 1995.

Yang turut hadir pada majlis pengumuman yang disertai kira-kira 300 orang itu ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Hasan Arifin, Setiausaha BN Negeri, Datuk Mohamad Abdullah dan Ketua Umno Bahagian Lipis, Datuk Omar Othman serta wakil-wakil komponen parti BN.

Amihamzah berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1973 dalam bidang Sosiologi dan Antropologi ialah bekas Penolong Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan sebelum membuat persaraan pilihan pada Julai 1995.

Jawatan pertamanya dalam kerajaan ialah Penolong Pegawai Daerah Kajang dan pernah menjadi Penolong Setiausaha di Bahagian Dasar dan Perancangan Kementerian Pertanian.

Penglibatannya dalam politik bermula sebagai Anggota Jawatankuasa Umno Bahagian Petaling Jaya, Selangor pada 1975 hingga 1976. Antara jawatan dalam parti ialah Timbalan Ketua Bahagian Umno Lipis pada 1984 dan memangku jawatan Ketua Bahagian itu pada 1985 dan 1986 sebelum menjadi Bendahari sejak 1995.

Anak sulung daripada sembilan adik beradik ini telah mendirikan rumahtangga dan mempunyai enam cahayamata.

Amihamzah berkata, beliau mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan

parti atas kepercayaan memiihnya sebagai calon dan berazam akan melaksanakan tanggungjawab sebaik mungkin serta meneruskan usaha-usaha Allahyarham Abu Dahariy20sekiranya beliau memenangi Pilihan Raya kecil itu. -- Bernama.